

DATE: 29/1/2010

UCAPAN PENUH PERDANA MENTERI, DATUK SERI NAJIB RAZAK MERASMIKAN PELAN HALA TUJU PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP), DI PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR SEMALAM

Matlamat GTP capai Wawasan 2020, status negara berpendapatan tinggi

Metodologi baru dilaksana rujuk pakar, pengalaman negara lain

KITA berhimpun di sini untuk melakukan sesuatu yang amat bermakna lagi bersejarah dalam konteks perjalanan negara kita menuju ke arah sesuatu yang sangat diidami rakyat kita. Hari ini, kita berkumpul untuk sama-sama menjayakan pelan hala tuju GTP. Mungkin kita akan bertanya kepada diri kita apabila sesuatu program atau dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan atau sesiapa sekali pun, persoalan yang kita tanya ialah mengapa sesuatu itu diperkenalkan dan dilaksanakan. Kita bertanya kenapa dan mengapa?


Kenapa program GTP ini dilaksana oleh kerajaan? Jawabnya ada dua sebab iaitu pertama, daripada hasrat rakyat. Apa yang kita dapat lihat dan nilai inilah kehendak rakyat dan inilah jangkaan rakyat kepada kerajaan yang ada hari ini. Kita lakukan perkara ini bukanlah tanpa membuat penilaian tertentu atau secara rambang, tetapi kita buat secara objektif. Akhirnya di kalangan anggota jemaah menteri, kita buat undian di kalangan mereka berkisar kepada soalan yakni apakah sebenarnya yang dikehendaki kerajaan dan oleh rakyat terhadap kerajaan.

Apabila kita buat undian, rupa-rupanya penilaian yang dibuat jemaah menteri adalah sama dengan penilaian yang kita buat dengan tuntutan rakyat. Maka, timbullah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang akan terus diperjuangkan kerajaan.

Sebab kedua, bahawasanya kita dalam perjalanan dan ke arah mana? Di sini suka saya sebutkan bahawa kerajaan ini bukan kerajaan baru tapi kerajaan kesinambungan. Sebab itu kita jemput dua pemimpin yang banyak berjasa kepada negara iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Saya mahu menyebut bahawa matlamat kesudahan yang mahu dicapai kita selaras dengan GTP ini ialah untuk mencapai Wawasan 2020 dan mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Kenapa kita hendak buat dan bagaimana kita mahu mencapai matlamatnya adalah melalui metodologi baru. Saya pernah sebutkan kalau persekitaran kita berubah, metodologi kita juga mesti berubah. Jangan persekitaran baru tetapi metodologi masih lama. Apabila kita mahu melaksanakan program GTP, kita melihat daripada pengalaman negara lain yang sudah melaksanakannya. Kita jemput pakar dari luar minta pengalaman mereka dan pakar itu berpendapat apa yang sedang dicuba di Malaysia adalah lebih komprehensif dan lebih besar daripada negara yang pernah membuatnya.

Ini bermakna kita berada di hadapan berbanding negara lain. Kali ini, GTP kita juga ke depan jika kita berjaya, ia akan memberi kesan besar terhadap perubahan kita. Ada orang bertanya komitmen macam mana? Di kalangan menteri serta anggota menteri yang lain, semua amat komited. Kita me-



NAJIB berucap pada pelancaran Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) di Kuala Lumpur, semalam.

ngadakan perbincangan dalam bentuk bengkel termasuk pada Ahad. Memang ada menteri yang mengeluh, tetapi jangan putus asa. Semangat kita naik balik untuk buat dan melaksanakan GTP

Yang paling penting, bagaimana dengan penjawat awam? Adakah mereka komited? Saya bagi jaminan daripada Ketua Setiausaha sampai ke peringkat bawah bahawa penjawat awam komited. Buktinya, bila saya dan menteri membuat tinjauan, suasana luar biasa. Saya tengok pegawai kerajaan - ini bukan pegawai kerajaan tinggi saja, tetapi ada juga yang peringkat dan pertengahan, tunjuk semangat yang luar biasa. Ada yang bermesyuarat hingga jam 5 pagi.

Perbincangan serta percambahan fikiran ini, kalau kita buat dan laksana secara 'big dan bold' (besar dan berani), maka rakyat akan rasa perubahan yang besar lagi bermakna yang seterusnya akan mengubah landskap sosial eko-

nomi negara. Apabila kita membuat program ini (GTP), sasaran kita sentiasa untuk merangsang menteri dan penjawat awam untuk sampai ke sasaran lebih baik dan lebih tinggi dengan idea baru yang bernas.

Saya juga rasa bangga bahawa kita telah berjaya untuk menghimpun dan pada ketika yang sama, menghuraikannya secara dokumen. Maknanya, kita sediakan dokumen GTP dan dokumen ini kita sesuaikan dengan naluri manusia. Kita mendokumenkan GTP ini dalam empat kategori untuk memberi manfaat kepada setiap rakyat iaitu mereka yang rajin membaca, kurang rajin membaca, malas membaca dan tidak suka membaca sama sekali.

Bagi yang suka membaca, kita sediakan dokumen sebanyak 261 halaman, kurang rajin membaca (37 muka surat), malas membaca (20 muka surat)



Sultan Iskandar angkat martabat UTM

Almarhum miliki pengetahuan tinggi dalam beberapa bidang dimanfaatkan majukan pendidikan

ALMARHUM Sultan Iskandar Sultan Ismail, 77, yang memerintah Johor hampir tiga dekad, mangkat Jumaat lalu. Baginda yang meninggalkan Sultanah Zanariah serta 10 putera dan puteri dimakamkan di Makam Diraja Bukit Mahmoodiah.

Sultan Iskandar diputerakan di Istana Semayam, Johor Bahru pada 8 April 1932. Baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Johor pada 11 Mei 1981. Pada 15 November 1984, baginda dilantik Yang di-Pertuan Agong kelapan. Baginda juga Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kedua bermula 5 April 1982 sehingga 19 September 1986, sebelum digantikan Sultanah Zanariah.

Sultan Iskandar mempunyai banyak keistimewaan tersendiri yang jarang diketahui umum ketika hayatnya. Paling ketara, baginda begitu prihatin terhadap bidang pendidikan. Ketika baginda menjadi Canselor, kumpulan pertama pusat pengajian UTM mula berpindah ke Skudai, Johor iaitu pada sesi akademik 1885/86. Tiga tahun kemudian kampus induk berpindah ke Skudai.

Proses perpindahan itu mengalami pelbagai rintangan dan masalah. Namun Sultan Iskandar mencemar duli bersama warga kampus menangani pelbagai masalah terbabit. Hasilnya, terbinalah sebuah kampus antara yang terbesar di ne-

gara ini dengan seni bina berciri tradisional yang sukar ditandingi. Landskap UTM juga adalah antara yang terbaik di kalangan institusi awam.

Selain memastikan kampus UTM terbina dengan sempurna, Baginda juga berkenan memberi nasihat agar kualiti pengajian tinggi sebanding universiti di negara lain yang pernah baginda lawati. Itulah pendorong sehingga tertubuh Institut Sultan Iskandar bagi Bangunan Tinggi dan Habitat Bandar di UTM (ISI-UTM). Baginda sendiri berkenan menghulur sumbangan endowmen permulaan RM1 juta. Baginda juga berkenan memantau perkembangan ISI-UTM. Hasilnya, ISI-UTM kini dikenali di serata dunia sebagai antara pusat penyelidikan terulung dalam struktur binaan tinggi dan ekosistem bandar. Antara lain, ISI-UTM turut aktif dalam perancangan bandar di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Walaupun selepas September 1986 baginda tidak lagi menjadi Canselor UTM, keprihatinan dan kepedulian baginda terhadap pengajian tinggi, khususnya UTM tidak pernah luntur. Setiap perkembangan di UTM sentiasa mendapat perhatian baginda. Malah baginda sendiri berkenan memberi tunjuk ajar, khususnya berkaitan dengan teknologi permotoran, perkapalan

dan penerbangan.

Selepas dilantik Naib Canselor, saya mengadap Sultanah Zanariah sebagai Canselor UTM. Almarhum Sultan Iskandar berkenan menerima mengadap rombongan UTM. Pada mulanya baginda bertanya mengenai teknologi meriam kepada saya. Dengan penuh rendah diri saya menjawab, "Patik tidak arif Tuanku!" Kemudian, ketika santapan tengah hari, baginda bercerita mengenai teknologi marin yang juga satu bidang pengajian utama di UTM. Sekali lagi saya berasa sangat kerdil kerana tidak begitu memahami bidang berkenaan. Baginda berkenan bertanya mengenai beberapa aspek tentang teknologi marin, sekali lagi saya menjawab seikhlasnya, "Patik tidak arif tuanku!"

Perlu juga disebutkan bahawa sebelum menghadapi Almarhum Sultan Iskandar dan Sultanah Zanariah, saya sudah membaca beberapa buku dan majalah berkaitan teknologi permotoran, perkapalan dan penerbangan. Malah, ketua jabatan berkenaan di UTM juga datang membantu saya memahami asas teknologi berkenaan untuk meraudahkan perbincangan khasnya berkaitan bidang kepakaran staf UTM.

Demikian betapa tinggi pengetahuan dan minat Almarhum dalam ketiga-tiga bidang berkenaan. Ketika kumpulan mahasiswa UTM

membina kereta solar yang memenangi beberapa pertandingan peringkat antarabangsa pada awal 1990-an, Almarhum mencemar duli datang ke UTM untuk melihat sendiri kereta berkenaan. Baginda bukan saja tertarik dengan teknologi canggih, malah berkenan memberi pandangan kepada pensyarah dan mahasiswa supaya memperbaikinya dari segi enjin dan seni reka.

Sultan Iskandar juga mempunyai minat tinggi dalam bidang ekologi. Ini terserlah menerusi tempat baginda sekeluarga bersemayam, khususnya Istana Bukit Serene. Istana itu bukan saja dirimbuni pelbagai spesies pokok, malah baginda memelihara haiwan pelbagai jenis. Ketika menghadapi, baginda sering menunjukkan pelbagai spesies binatang di sekitar istana. Sahutan suara haiwan sabung-menyabung kedengaran di sekitar istana. Dalam hal ini UTM sangat beruntung kerana baginda berkenan menganugerahkan lima ekor kuda pada 1995. Hasilnya tertubuh Kelab Ekuin UTM yang pertama di kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Kelab itu juga melahirkan ramai atlet dan pelapis sukan ekuin negara.

Ketika hayatnya, baginda juga meminati sukan air. Banyak sekolah mendapat kemudahan sukan air sumbangan peribadi baginda.

Itu juga menjadi pendorong kepada UTM membangunkan sukan air khususnya berkayak dan perahu lumba sejak lebih 20 tahun lalu. Hal ini terbukti memberi kesan besar kepada perkembangan sukan air di Malaysia kerana majoriti atlet sukan air negara ke Sukan Sea lalu adalah di kalangan mahasiswa IPT awam. Dan sejak sukan antara IPT tempatan diperkenalkan, UTM menjadi juara keseluruhan. Itulah rasional Kementerian Pengajian Tinggi menjadikan UTM peneraju sukan air di kalangan IPT tempatan pada 2009.

Demikian sebahagian kecil sumbangan Almarhum Sultan Iskandar yang saya sendiri turut menyaksikan dan mengalaminya. Ketika hayatnya, baginda tidak mahu sumbangan berkenaan disebut-sebut. Malah baginda menegur Prof Datuk Muhammad Ridzuan Salleh, Naib Canselor UTM ketika itu yang berucap menjunjung kasih atas perkenan Sultan Iskandar memberi sumbangan sempena perasmian ISI-UTM.

Sesungguhnya kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar ialah satu kehilangan besar kepada rakyat Johor. Al-Fatihah!

Prof Datuk Zaini Ujang ialah Naib Canselor UTM dan Naib Pengerusi ISI-UTM